

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[PERMATANG PAUH]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 35**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian Kewangan bersedia mengambil kira keperluan meminda Akta KWAN sedia ada supaya akhirnya pelaburan dalam KWAN 1994 dapat mencapai impian sebuah tabung petroleum seperti yang dilakukan oleh Norway.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, panel Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) pada 17 Mei 2019 telah bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji semula Akta KWAN 1988. Jawatankuasa Kerja ini akan menjalankan kajian menyeluruh termasuk melakukan analisa penandaarasan yang sewajarnya dengan tabung amanah lain seperti *Government Pension Fund Norway*. Ini termasuk cadangan pendekatan baharu berkaitan perluasan sumber dana dan pengukuhan tadbir urus dana tersebut demi merealisasikan matlamat jangka panjang KWAN serta memastikan kesinambungan dana tersebut untuk kesejahteraan generasi hadapan.
2. Seterusnya, cadangan pindaan tersebut akan dikemukakan kepada Panel KWAN untuk perakuan sebelum diangkat kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

*\*KWAN ditubuhkan pada tahun 1988, dan bukan 1994*